

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN**  
**NAINA MERICAN**  
**KAWASAN : KEPALA BATAS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN (KEPALA BATAS)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada sebarang kajian ketidakstabilan cerun yang dilakukan di Pulau Pinang sepanjang 5 tahun yang lalu. Apakah senarai kawasan cerun berisiko tinggi di Pulau Pinang pada ketika ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menerusi Cawangan Kejuruteraan Cerun, Ibu Pejabat JKR telah menjalankan Kajian Penilaian Cerun-Cerun Berisiko di Pulau Pinang pada tahun 2010 yang lalu.

Kajian 'hazard mapping' tersebut merangkumi kawasan seluas 209 kilometer persegi di Pulau Pinang, iaitu melibatkan 564 cerun (405 cerun tanah, 82 cerun batuan dan 77 cerun struktur). Hasil kajian tersebut mendapati terdapat 66 cerun berada pada tahap yang kritikal dan memerlukan kerja-kerja pembaikan oleh pihak berkuasa tempatan yang terlibat, manakala bakinya sebanyak 498 cerun lagi berada pada tahap kategori sederhana dan rendah sahaja. Hasil laporan tersebut telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang secara berperingkat, iaitu pada tahun 2012 dan 2013 untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA  
BATAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan prestasi semasa PBT di Pulau  
Pinang; daripada pelbagai sudut (i.e: kutipan pelbagai cukai, prestasi  
khidmat, aduan yang diterima dan sebagainya) untuk tempoh 5 tahun yang  
lalu

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi semasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang dari segi kutipan pelbagai cukai serta prestasi pengurusan perkhidmatan masyarakat adalah seperti berikut :

**(a) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

**(i) Kutipan Pelbagai Cukai**

- Prestasi hasil kutipan (termasuk cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil) di MPSP dari tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

	2009	2010	2011	2012	2013
<b>Hasil Cukai</b>	118,286,436	123,882,172	126,984,353	131,738,709	139,428,044
<b>Hasil Bukan Cukai</b>	31,179,854	31,349,666	38,298,205	37,069,054	40,097,642
<b>Terimaan Bukan Hasil</b>	7,934,342	12,437,384	8,372,142	9,763,458	20,286,085

**(ii) Pengurusan Aduan**

- Jumlah Pelanggan Yang Berurusan dan Kadar Penarafan Perkhidmatan Berdasarkan Kajian Kepuasan Pelanggan di Kaunter Berpusat iaitu *frontliner* utama Majlis Perbandaran Seberang Perai bermula 2010-2014 adalah seperti berikut :

2010	161,492 orang	4.91 / 5.00
2011	168,757 orang	4.90 / 5.00
2012	170,740 orang	4.93 / 5.00
2013	178,325 orang	4.91 / 5.00
2014	188,742 orang	4.90 / 5.00

- Selain itu, bilangan aduan yang diterima oleh MPSP didapati meningkat dari tahun ke tahun, walau bagaimanapun tindakan penyelesaian aduan berjaya ditangani oleh pihak Majlis. Statistik aduan yang diterima oleh pihak Majlis adalah seperti berikut :

2010	6278
2011	9506
2012	9628
2013	10989
2014	12632

- Melalui statistik aduan yang diterima, MPSP telah memberi penumpuan kepada 5 kategori aduan tertinggi iaitu aduan berkaitan longkang/parit, sampah, haiwan, pokok dan jalan perbandaran di dalam usaha memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

**(b) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)**

**(i) Kutipan Pelbagai Cukai**

2010	254,139,935
2011	280,331,637
2012	331,238,540
2013	341,089,035
2014	452,416,199

(ii) **Perspektif Aktiviti Utama di MPPP**

1	Perancangan Pembangunan	91.98%	89.84%	90.15%	57.52%
2	Bangunan	97.45%	97.31%	91.04%	96.62%
3	Kejuruteraan	99.82%	100.00%	97.90%	100.00%
4	Perkhidmatan Perbandaran	69.08%	89.99%	90.00%	63.00%
5	Kesihatan Awam	88.31%	86.11%	86.69%	86.33%
6	Pelesenan	87.09%	96.35%	90.22%	59.00%
7	Perbendaharaan	94.97%	92.95%	100.00%	100.00%
8	Khidmat Pengurusan	97.62%	95.46%	95.46%	94.48%
9	Penilaian & Pengurusan Harta	88.47%	84.83%	89.72%	90.43%
10	Khidmat Kemasyarakatan	91.03%	87.53%	92.71%	95.43%
11	Undang-Undang	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
12	Audit Dalam	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**RUJUKAN : 7641**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan / bajet pembangunan untuk setiap IPD di Pulau Pinang untuk tempoh 2010 -2014 yang lalu. Perancangan masa hadapan bagi memantapkan kontinjen PDRM di Pulau Pinang.



**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 Projek Pembangunan di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang telah dirancang dan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang sepanjang Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (Tahun 2010 - Tahun 2014). Senarai 7 projek tersebut adalah sepertimana berikut:-

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK	STATUS PROJEK
1	Menaiktaraf Balai Polis Sungai Dua;	RM 8,650,000.00	Projek telah siap
2	Menaiktaraf Balai Polis Telok Air Tawar;	RM 8,650,000.00	Status Semasa: Jadual : 100% Sebenar : 98% Lewat Jadual : (-2%)
3	Menaiktaraf Balai Polis Permatang Berangan;	RM 7,700,000.00	Projek telah siap
4	Kerja-kerja Ubahsuai Kwarters Marin PDRM Dari 2 Bilik ke 3 Bilik, Gelugor, Pulau Pinang;	RM 3,876,845.99	Projek telah siap
5	Kerja-kerja Ubahsuai Kwarters PDRM Dari 2 Bilik ke 3 Bilik Perumahan PDRM Taman Tun Sardon, Pulau Pinang;	RM 6,511,345.77	Projek telah siap
6	Kerja-kerja Ubahsuai Kwarters PDRM Dari 2 Bilik ke 3 Bilik 2-3 Bilik di Balai Polis Bagan Luar, Pulau Pinang; dan	RM 7,402,950.68	Projek telah siap
7	Pembinaan Balai Polis Sungai Aceh, Pulau Pinang	RM 14,389,275.20	Projek telah siap
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM 57,180,417.64</b>	

**Pelaksanaan 7 projek pembangunan PDRM dengan menggunakan Peruntukan Pembangunan (DE) sepanjang tahun 2010 sehingga tahun 2014 melibatkan kos dan peruntukan sebanyak RM 57,180,417.64.**

**Kementerian bersama-sama PDRM mengambil berat terhadap strategi dan perancangan untuk memantapkan setiap kontinjen PDRM, termasuklah juga bagi pembangunan masa hadapan Kontinjen Pulau Pinang. Perancangan pembangunan masa hadapan akan diteliti dari semasa ke semasa dan pembangunan infrastruktur serta kelengkapan logistik PDRM adalah berdasarkan kepada kesesuaian lokasi, populasi penduduk dan juga kadar indeks jenayah.**